

22/02/1999

Rakyat Sabah perlu tolak hasutan PBS

MELAKA, Ahad - Rakyat Sabah perlu menolak taktik Parti Bersatu Sabah (PBS) yang menghasut mereka supaya menolak Barisan Nasional (BN) untuk terus mentadbir negeri itu.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata sikap berdendam diamalkan pemimpin PBS terhadap Pusat, tidak memberi faedah kepada mereka, malah akan mengganggu segala projek pembangunan yang dirancang.

"Saya difahamkan, sebelum ini PBS berjanji kepada pengundi untuk membekalkan air bersih, bekalan elektrik dan membaiki jalan raya jika mereka menang dalam pilihan raya.

"Bagaimanapun, segala janji itu tinggal janji sehinggalah BN mengambil alih tampuk pemerintahan dan menyediakan kemudahan itu untuk kebajikan penduduk di pedalaman," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Kesihatan berkata demikian sewaktu diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam yang PBS mengamalkan politik balas dendam.

Menurut Mohd Ali, tindakan pemimpin PBS menghasut rakyat Sabah supaya menolak BN juga adalah kerana mereka kecewa permohonan untuk memasuki semula BN, ditolak.

Katanya, kekosongan yang ditinggalkan PBS, sudah diisi oleh Umno dan kebanyakan penduduk Sabah, khususnya orang Melayu, kini sudah dapat menerima kehadiran Umno di sana.

Selain itu, Mohd Ali yang juga Ketua Pergerakan Belia 4B, berkata penduduk Melayu di Sabah juga perlu menolak Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu) yang diterajui Datuk Haris Saleh.

"Haris cuba mengabui penduduk Sabah yang beliau cuba mewakili penduduk Islam di sana, tetapi sebenarnya ada calon parti itu yang bukan beragama Islam.

"Lagipun, jika Bersekutu benar-benar ikhlas, mereka sepatutnya menarik diri daripada bertanding kerana Umno sudah mempunyai calon yang beragama Islam," katanya.

Beliau berkata, jika BN dapat mengekalkan pemerintahan di Sabah, banyak bantuan dan projek pembangunan dapat disalurkan tetapi jika rakyat Sabah memilih parti pembangkang, sudah tentu mereka menghadapi masalah dengan Kerajaan Pusat kerana tidak sehaluan.

(END)